



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **PROJEK RUMAWIP CASA GREEN MEMBERI PULANGAN NILAI HARTANAH YANG TINGGI KEPADA WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN**

**Putrajaya, 3 Julai 2015** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor menyempurnakan Majlis Pelancaran dan Sesi Pengundian Projek RUMAWIP Casa Green. Projek ini merupakan di bawah Dasar RUMAWIP yang dilaksanakan secara persendirian oleh Syarikat Amber Homes Sdn Bhd dalam membangunkan rumah mampu milik pada harga RM300,000.00 seunit kepada rakyat khususnya yang berpendapatan sederhana.

2. Bagi pelancaran Projek Casa Green ini, sejumlah 490 unit pangsapuri ditawarkan dengan keluasan 825 kaki persegi pada harga RM300,000.00 seunit. Projek ini merangkumi 1 buah blok pangsapuri setinggi 38 tingkat (aras 8 hingga 38) yang turut menyediakan 7 tingkat tempat letak kereta.

3. Lokasinya yang strategik iaitu di Bukit Jalil, Mukim Petaling, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ditambah pula dengan pelbagai kemudahan seperti dewan serbaguna, taska, gimnasium, surau, taman permainan kanak-kanak, kolam renang, jakuzi, taman rekreasi, gelanggang futsal, pondok pengawal, dan kemudahan sokongan lain serta pembangunan 2 blok unit kediaman mewah dijangka akan meningkatkan lagi nilai hartanah kawasan tersebut kelak. Tarikan kepada projek ini ialah berdekatan dengan Kompleks Sukan Negara dan juga Taman Teknologi Malaysia yang boleh diakses dengan mudah melalui lebuh raya KESAS. Kemudahan pengangkutan awam seperti LRT, bas dan teksi boleh didapati berhampiran kawasan projek ini.

4. Cabutan undi yang dijalankan ini melibatkan saringan keseluruhan permohonan sebanyak 1,911 melalui Portal RUMAWIP di mana pemohon yang berjaya dalam tapisan pertama untuk Majlis Pelancaran ini adalah seramai 302 orang yang akan membuat cabutan undi bagi menentukan unit kediaman yang akan diperolehi. Projek ini merupakan sebahagian daripada inisiatif kerajaan menyasarkan pembangunan sebanyak 80,000 unit rumah di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dalam tempoh 5 tahun ini.

5. Sehingga Jun 2015, sebanyak 15,219 unit rumah telah dibina di bawah Program RUMAWIP yang dijalankan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kesemua unit rumah ini merangkumi 12 pembinaan yang sedang dijalankan. Pihak Kementerian akan membina lebih banyak RUMAWIP diseluruh Wilayah Persekutuan dan pembinaan seterusnya dijangkakan akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Seputeh. Pelaksanaan RUMAWIP ini juga merupakan perancangan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi memastikan golongan sasaran memiliki kediaman pada harga yang berpatutan dan memberi kelebihan kepada warga kota memiliki rumah sendiri. Oleh itu bagi memastikan projek RUMAWIP dijayakan sepenuhnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, Jawatankuasa Pasukan Petugas Perumahan akan mengawal selia projek- projek Rumah Mampu Milik yang akan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
3 Julai 2015  
Putrajaya